

BAB 2

BAB 2: KAJIAN LITERATUR DAN MASDAR.

2.0 PENDAHULUAN.

Bab ini membicarakan berkaitan kajian lepas iaitu dengan melihat dan merujuk kepada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Penulis mengkaji kajian yang berkaitan dengan disertasi penulis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kajian-kajian lepas ini membantu penulis dalam melihat beberapa perkara yang ada hubungkait dengan kajian pengkaji sendiri di samping mencetus idea kepada penulis untuk menimbulkan persoalan yang masih tidak mempunyai jawapan.

2.1 KAJIAN LITERATUR.

Kelemahan pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab secara amnya dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antara aspek pertama yang ditemui oleh penulis adalah kelemahan menguasai ilmu *şaraf* bahasa Arab atau dikenali dengan morfologi Arab. Ini adalah kerana, bagi menguasai Bahasa Arab, seseorang itu perlu mempelajari dua belas cabang ilmu Bahasa Arab (Abdul Malik as Sa'die, 1993:17). Antara cabang ilmu tersebut adalah ilmu nahu (sintaksis) dan ilmu morfologi (ilmu *şaraf*) Mohd Zaini Bin Sejo. (2012). Kepentingan menguasai ilmu ini adalah sebagai asas untuk menguasai bahasa Arab.

Kelemahan ini dapat dilihat berdasarkan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya Che Radiah Mezah (2009: 4) telah membuat kesimpulan bahawa kelemahan utama pelajar dalam bidang penulisan adalah dalam aspek morfologi yang melibatkan aspek kata dan penggunaannya dalam ayat. Menurut Mat Taib Pa, tanpa penguasaan kaedah morfologi, gambaran pelajar tentang bahasa Arab adalah pincang dan struktur nahu lain tidak dapat difahami dengan jelas.

Permasalahan ini jelas berlaku berpunca dari kegagalan pelajar menguasai ilmu morfologi atau juga dikenali dengan ilmu şaraf.

Kajian berikutnya yang ditemui oleh penulis berkaitan dengan maşdar adalah yang bertajuk ‘Maşdar Muawwal : Suatu Analisis oleh Abdullah Tahmin bin Hj Abdul Latiff pada tahun 1994. Beliau menulis di atas tajuk ini adalah untuk menganalisis konsep, bentuk, cara pemakaian dan kepentingan maşdar di dalam kegunaan BA.

Kajian dibuat berdasarkan pemerhatian terhadap susunan dan penggolongan yang dilakukan oleh ulama silam dan moden di samping melihat perbezaan yang dilakukan sebagai analisis bagi kajian ini.

Di dalam kajian ini Abdullah telah membahagikan kajian beliau kepada tiga bab yang membincangkan beberapa topik iaitu bagi bab yang pertama beliau lebih menumpukan kepada penggolongan kata iaitu perkara-perkara yang berkaitan dalam membahagikan diantara isim, fi‘l dan ħarf. Dalam bab ini pengkaji tersebut melihat penggolongan yang dibuat oleh ahli bahasa silam dan moden dalam pembahagian mereka mengenai maşdar. Seterusnya beliau menunjukkan kedudukan maşdar berdasarkan pemerhatian penggolongan yang dilakukan bahawa maşdar tergolong di dalam isim.

Walaupun begitu hasil kajian beliau mendapati terdapat juga ahli bahasa yang menggolongkan maşdar kepada golongan yang lain seperti fi‘l atau ħarf iaitu selain dari isim. Pengkaji tersebut menyatakan bahawa *‘maşdar itu adalah sebahagian daripada isim dan oleh yang demikian ia akan berfungsi dalam ayat seperti isim-isim yang lain. Ia boleh berfungsi mubtada’, fā‘il, maf’ul, majrur dengan ħarf jar, muḍāf ilayh dan sebagainya’*: Abdullah Tahmin 1994.

Di dalam bab kedua pengkaji tersebut membincangkan topik mengenai maṣḍar mu'awwal secara langsung iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan maṣḍar ini termasuk definisi, konsep serta komponen-komponen yang terdapat bagi maṣḍar mu'awwal. Di sini pengkaji tersebut merumuskan atau cenderung untuk mengatakan bahawa maṣḍar itu terdiri dari dua perkataan atau lebih dan lebih tepat beliau menamakan maṣḍar itu sebagai klausa contohnya: *يَسْرُنِي أَنَّ مُحَمَّدًا حَاضِرٌ* Maṣḍar mu'awwal dalam contoh di atas ialah *أَنَّ مُحَمَّدًا حَاضِرٌ* bukan *أَنَّ مُحَمَّدًا* atau *أَنَّ حَاضِرٌ* sahaja. Ini bererti bahawa adunan Masdar mu'awwal itu bukan hanya terdiri daripada kata partikel dan kata sifat atau kata kerja sahaja tetapi ianya terdiri daripada kata partikel, subjek dan predikat sekali. Subjek dan prediket itu mungkin muḥtada' dan khabar atau fi'l dan fā'il atau naib fā'il.

Manakala komponen yang dimaksudkan olehnya adalah ḥarf dan sebuah klausa yang diistilahkan sebagai silatnya. Dimasukkan juga di dalam kajian ini iaitu partikel-partikel seperti An (*أَنَّ*), Ma (*مَا*), Kai (*كَيْ*) dan sebagainya. Beliau juga memperincikan setiap partikel ini dengan jelas termasuk dari sudut makna, fungsi dan sebagainya.

Seterusnya di dalam bab ini juga pengkaji tersebut menerangkan perkara-perkara yang melibatkan i'rab iaitu perincian yang berkaitan kedudukan maṣḍar tersebut sama ada tergolong di tempat rafa', naṣab atau jarr.

Pengkaji tersebut melanjutkan kajian dengan membuat analisis maṣḍar mu'awwal dari berbagai sudut yang meliputi istilah, dari sudut beberapa partikel yang berkaitan dalam bab yang ketiga. Beliau juga mengkaji perbezaan maṣḍar Mu'awwal

dengan maṣḍar Ṣarih iaitu dari beberapa aspek seterusnya membuat rumusan bahawa maṣḍar Mu'awwal ini amat penting di dalam struktur BA iaitu dari segi penyusunan dan pembinaan ayat.

Menurut Dr Amil Ya'kub, (1987) maṣḍar Mu'awwal ialah perkataan yang tidak dijelaskan pada lafaznya dalam percakapan, bahkan ditafsirkan dari gabungan huruf maṣḍarīyah dengan perkataan selepasnya contohnya أن تصوموا. Manakala maṣḍar Ṣarih pula ialah sesuatu perkara yang disebut pada lafaznya dalam percakapan bertentangan dengan maṣḍar Mu'awwal.

Penulis tersebut juga mencadangkan agar topik ini dijadikan sebagai tajuk perbincangan yang khusus di dalam buku-buku nahu arab dan perlu ditekankan di dalam pengajaran BA di semua peringkat pembelajaran.

Kajian kedua adalah kajian yang dilakukan oleh Azlan Abd Rahman yang bertajuk Penggunaan Maṣḍar Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes 2003. Di dalam disertasi ini pengkaji tersebut menyentuh dan mengesan beberapa punca kelemahan dan kekeliruan pelajar dalam menguasai ilmu berkaitan maṣḍar di kalangan pelajar yang didapati lemah di dalam menguasai topik ini.

Azlan Abd Rahman membincangkan dengan panjang lebar berkaitan maṣḍar pada bab yang kedua di mana ia meliputi definisi maṣḍar, jenis-jenis, pola-pola, perbezaan antara maṣḍar dengan jenis-jenis kata nama yang berbagai seperti isim maṣḍar, isim fā'il dan sebagainya. Di samping itu juga pengkaji tersebut menunjukkan perhubungan maṣḍar dengan beberapa jenis maf'ūl. Menurut ad-Dahdah, (1997) maf'ūl ialah satu wazan atau timbangan yang dikiaskan bagi isim maf'ūl daripada fi'l yang terbina dari tiga huruf contohnya مَكْتُوبٌ (maktūbun) , مَحْمُودٌ (maḥmūdun).

Azlan juga membincangkan perkara yang berkaitan pengajaran maṣdar di kolej IKIP, Kuantan dimana ia merangkumi beberapa tajuk seperti kepentingan BA, pengajaran BA yang meliputi definisi, objektif dan kaedah-kaedah pengajaran nahu. Seterusnya pengkaji tersebut memfokus pengajaran di IKIP, Kuantan yang membincangkan cara dan kaedah-kaedah yang digunakan di institusi berkenaan. Ia merangkumi beberapa aspek termasuk di dalam disertasinya adalah berkaitan alat bantu mengajar, kelayakan guru, pengurusan kelas dan semakan buku-buku teks dan sukatan pelajaran.

Walaupun dari sudut konsep yang dijalankan oleh Azlan hampir sama dengan disertasi ini namun terdapat beberapa perkara yang berbeza antaranya perbezaan latar belakang pelajar, lokasi kajian dan beberapa situasi yang akan diterangkan oleh penulis disertasi ini pada bahagian yang akan datang.

Ummi Syarah binti Ismail pula menulis Maṣdar Thulāthī Mazīd: Aspek Pola dan Semantik (2004). Beliau mengkaji maṣdar yang terdiri dari tiga huruf dan mempunyai imbuhan atau dikenali dengan maṣdar thulāthī mazīd. Contohnya fi'1 atas wazan فَعَّلَ

(fa'ala) iaitu ada huruf imbuhan pada selepas huruf kedua maka maṣdarnya atas wazan

تَفَعَّلَ (taf'ālan). Manakala contoh fi'1 atas wazan أَفَعَّلَ (af'ala) iaitu huruf imbuhan

terdapat diawal perkataan maka maṣdarnya إِفَعَّلَ (if'ālan).

Disertasi ini mencakupi aspek pola dan semantik di mana pengkaji melihat makna dari setiap maṣdar yang terbit dari kata kerja yang berimbuhan. Di samping itu beliau juga melihat aspek pola yang mempengaruhi sesuatu makna maṣdar thulāthī mazīd tersebut. Contohnya fi'1 دَخَلَ (dakhala) bermaksud 'seorang lelaki telah masuk'.

Apabila fi‘l ini dimasukki dengan huruf imbuhan اُدْخَلَ pada awal kalimah menjadi اُدْخَلَ (adkhala) , maka maksud kalimah tersebut telah berubah menjadi ‘seorang lelaki telah memasukkan’.

Pengkaji tersebut juga membuat kajian pencapaian pelajar peringkat SPM serta kefahaman mereka terhadap topik yang dikaji oleh penulis seterusnya membuat rumusan hasil dari dapatan kajian tersebut.

Tesis ini mempunyai kaitan dengan tesis penulis di mana terdapat kesamaan pada maklumat yang diperolehi. Maklumat tersebut dapat dilihat pada hasil dapatan pengkaji tersebut berkaitan hubungan pola dengan semantik mempengaruhi makna sesuatu kalimah masdar, manakala penulis pula mengkaji pencapaian pelajar dalam menguasai pola dan semantik seterusnya menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap masdar.

Noor Shamshinar Zakaria (2005) juga telah menulis tentang Analisis Penggunaan Maṣdar Ṣarih dalam Surah Luqman. Di dalam disertasi tersebut beliau membincangkan tentang perkara yang berkaitan mencari makna yang tersirat di dalam maṣdar dan penggunaannya di dalam surah Luqman. Di samping itu juga Noor Shamshinar telah mencari perbezaan makna pada maṣdar Ṣarih yang digunakan di dalam surah tersebut.

Menurut Noor Shamshinar (2005) dari sudut makna, perkataan-perkataan maṣdar Ṣarih yang diterbitkan dari kata kerja Thulāthī Mujarrad dan Thulāthī Mazīd adalah berbeza. Sebagai contoh perkataan maṣdar خُرُوجٌ (kharūj) yang diterbitkan dari kata kerja Thulāthī Mujarrad خَرَجَ (kharaja) bermaksud ‘keluar’ dan perkataan maṣdar

Ṣarih *اِسْتِخْرَاج* (istikhrāj) yang diterbitkan dari kata kerja Thulāthī Mazīd *اِسْتِخْرَجَ* (istakhraja) bermaksud “meminta dikeluarkan”. Dalam kaedah bahasa Arab, penambahan sesuatu huruf dalam sesuatu perkataan juga memberi makna yang berlainan.

Setelah kajian literatur dijalankan oleh penulis terhadap penulisan berkaitan bahasa Arab secara amnya dan topik maṣḍar secara khusus, penulis juga membuat tinjauan terhadap beberapa aspek yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap topik yang menjadi asas kajian penulis. Tiga aspek yang dipilih oleh penulis iaitu Strategi pembelajaran bahasa, motivasi dan kelayakan guru sebagai tenaga pengajar bahasa.

Penulis membuat kajian literatur kepada 3 aspek ini adalah kerana ketiga-tiga aspek ini akan disentuh oleh penulis dalam borang soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar dan temubual kepada pensyarah untuk menghasilkan dapatan kajian berkaitan dengan aspek-aspek ini.

Berkaitan strategi pembelajaran bahasa, penulis melihat kepentingan aspek ini untuk menguasai sesuatu bahasa. Kenyataan ini disokong dengan kenyataan oleh O’ Malley dan Chamot (1990) “ *strategies are tools for active, self directed involvement for second language communicative ability*”. Penggunaan strategi yang bersesuaian juga akan meningkatkan kemahiran bahasa dan meningkatkan keyakinan diri (Oxford 1990).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, Nik Mohd Rahimi (2005) mendapati bahawa antara faktor yang banyak membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik adalah melalui strategi pembelajaran yang berkesan. Fakta ini disokong melalui kajian Anida (2003) bahawa penggunaan strategi telah meningkatkan kebolehan pelajar, keyakinan diri, minat dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan penggunaan strategi yang betul akan membantu pelajar menguasai bahasa dan

kemahirannya. Pelajar-pelajar yang sadar tentang strategi pembelajaran dan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa akan meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab Sueraya (2010).

Aspek berikutnya yang ditinjau oleh penulis adalah berkaitan motivasi. Ini adalah kerana penulis melihat motivasi dalam diri pelajar memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Menurut Lado (1980:57) bahawa motivasi yang tinggi meningkatkan pembelajaran. Mohd. Sharani Ahmad et.al. (2003) berpendapat bahawa motivasi dapat menentukan hala dan keberkesanan sesuatu pembelajaran disebabkan motivasi memupuk pelajar agar mengetahui sesuatu pembelajaran itu mempunyai hala dan tujuan yang tertentu bagi mencapai keberkesanan pembelajaran itu sendiri.

Oleh yang demikian motivasi merupakan aspek yang berkait rapat dengan pembelajaran bahasa. Kajian Lado (1980) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa berhubung rapat dengan motivasi manusia.

Menurut Mohd Zaki Ahmad. (2009) kebanyakan pakar bahasa juga turut berpandangan bahawa tahap motivasi pembelajaran bahasa kedua lebih tinggi berbanding dengan motivasi mempelajari bahasa ibunda. Oleh yang demikian demi menguasai topik ini pelajar memerlukan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu merupakan bahasa kedua selepas bahasa ibunda.

Seterusnya aspek berkaitan kelayakan guru. Menurut Goodwin (1999) mentakrifkan latihan guru dan pengalaman mengajar sebagai antara kelayakan asas yang utama dalam pengajaran berkesan. Ini menunjukkan bahawa aspek kelayakan guru mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap pembelajaran.

Disamping beberapa faktor lain seperti motivasi, strategi pembelajaran, silibus, lokasi pembelajaran dan sebagainya kelayakan guru atau tenaga pengajar amat penting.

Kelayakan sebagai seorang guru yang berkualiti memerlukan pengalaman dan latihan. Menurut Khalid Johari. et. al. (2009). Pendidikan dan latihan iktisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kalangan pakar telah sepakat bahawa penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru.

2.2 MAŞDAR DI DALAM BAHASA ARAB.

Menurut Abu Aus Ibrahim al-Shamsan (1418H) bahawa maşdar terbahagi kepada beberapa istilah yang khusus bagi membezakan di antara satu sama lain iaitu maşdar al-am, isim Maşdar, isim Hay'ah, isim Marrah, maşdar as-Şinā'ī.

2.2.1 al-Maşdar al-'Am.

Ibnu Hisyam telah mendefinisikan al-maşdar al-am sebagai isim yang menunjukkan kepada satu kejadian. Iaitu berlaku di atas fi'l, contohnya seperti الضَرْبُ (aḍ-ḍarbu) iaitu bermaksud 'pukul' dan إِكْرَامٌ (ikrām) bermaksud "muliakan". Iaitu maksud berlaku ke atas fi'l ialah bilangan hurufnya sama bilangan dengan fi'lnya ضَرْبَ (ḍaraba) maka jika bilangan hurufnya tidak bersamaan dengan fi'lnya maka bukanlah tergolong di dalamnya. Maşdar ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i) Maşdar fi'l thulāthī.
- ii) Maşdar fi'l bukan thulāthī.

2.2.1.1 Maṣḍar Fi‘l Thulāthī (مصدر الفعل الثلاثي)

Maṣḍar fi‘l thulāthī mujarrad mempunyai banyak bentuk dan tidak diketahui bentuknya yang paling tepat melainkan perlu merujuk kepada kamus-kamus BA kerana ia datang di dalam bentuk simā’ī. Dr Amil Ya’kub, (1987) mendefinisikan simā’ī iaitu ahli bahasa mendengar beberapa lafaz atau percakapan dari bangsa Arab yang dipercayai akan ketulenan “**kearabannya**” dan tidak dapat ditentukan dengan kaedah yang tepat. Terdapat banyak bentuk maṣḍar di mana bilangannya melebihi 25 binaan maṣḍar.

Namun begitu ahli bahasa telah membahagikan maṣḍar thulāthī mujarrad ini kepada dua jenis iaitu maṣḍar simā’ī dan qiyāsī. Maṣḍar simā’ī iaitu maṣḍar yang tiada kaedah yang tepat untuk menentukannya dan terdapat bilangan maṣḍar bagi satu satu fi‘l itu melebihi dari satu maṣḍar contohnya maṣḍar bagi perkataan كَتَبَ (kataba) maṣḍar bagi kalimah fi‘l ini seperti yang terdapat di dalam kamus كَتَبًا ، كِتَابًا ، كِتَابَةً (katban, kitāban, kitābatan) iaitu maṣḍar bagi perkataan كَتَبَ (kataba) ada tiga bentuk seperti contoh di atas.

Manakala bagi maṣḍar qiyāsī pula ahli BA telah meletakkan beberapa kaedah yang menunjukkan di atas bentuk-bentuk maṣḍar bagi fi‘l-fi‘l ini dari kalangan yang tidak didengari (غِيَابُ الْمَسْمُوعِ). Mereka juga telah berpegang dengan demikian berdasarkan apa yang telah disebut bagi

maşdar-maşdar ini. Ahli BA telah membahagikan binaan dan susunan maşdar yang sering digunakan iaitu:

a) فَعْلٌ (fa‘lun)

Kebiasaannya bentuk maşdar bagi fi‘l yang melampau
(الفعل المتعدي)

Contohnya : - فَهَمًّا - فَهَمَ (fahima – fahman) , ضَرْبًا - ضَرَبَ (ḍaraba - ḍarban)

Fi‘l yang melampau iaitu fi‘l yang berhajat kepada maf‘ūlun bih. Seperti kalimah contoh di atas ضَرَبَ (ḍaraba) bermaksud telah memukul yang memerlukan kepada objek. Maka maşdarnya terbentuk dengan wazan ضَرْبًا (ḍarban) yang bermaksud pukulan. Bagi contoh kedua pula fi‘lnya فَهَمَ (fahima) bermaksud telah faham dan maşdarnya فَهَمًّا (fahman) bermaksud kefahaman.

b) فَعْلٌ (fa‘alun)

Kebiasaannya bentuk maşdar bagi fi‘l lazim di mana huruf
“‘Ayn” (ع) fi‘l berbaris bawah

Contohnya : - فَرِحًا - فَرِحَ (fariḥa - fariḥan) , طَرِبًا - طَرِبَ (ṭariba - ṭaraban) , هَوِيَّ - هَوِيَ (hawīya – hawān)

Fi‘l lazim yang bermaksud fi‘l yang tidak berhajatkan kepada maf‘ūlun bih atau objek dan huruf di tengah-tengah fi‘l maḍinya berbaris bawah atau kasrah. Contohnya هَوِيَ (hawiya) yang bermaksud telah cinta atau kasih kepada maḥdarnya هَوَى (hawan) yang bermaksud kecintaan.

c) فُعُولٌ (fu‘ūlun)

Kebiasaannya bentuk maḥdar bagi fi‘l lāzim adalah di mana “‘Ayn” (ع) fi‘lnya berbaris atas. Ia juga menunjukkan kepada usaha atau perbuatan

Contohnya: دَخَلًا - دُخُولًا (dakhala - dukhūlan), سَمًا - سُمُوًّا (samā - sumuwwan).

Seperti contoh di atas fi‘l lazim yang huruf di tengah-tengah fi‘l maḍinya berbaris atas atau fathah contohnya دَخَلَ (dakhala) bermaksud telah masuk maka maḥdarnya berbentuk dengan دُخُولًا (dukhūlan) yang bermaksud kemasukan.

d) فُعَالٌ (fu‘ālun)

Bentuk maḥdar bagi menunjukkan nama bagi suara dan nama bagi penyakit.

Contohnya: سَعَلًا - سَعَلَ (sa‘ala - su‘alan), بُكَاءٌ - بَكَى (baka - bukā’an).

Contoh di atas menunjukkan perkara yang berkaitan suara contohnya بُكَاءٌ (bukā'an) yang bermaksud tangisan manakala سُعالًا (su'ālan) bermaksud batuk. Iaitu dua perkataan yang berkaitan dengan bunyi dan sakit.

e) فَعَالٌ (fi'ālun)

Bentuk maṣḍar bagi menunjukkan tegahan.

Contohnya : جَمَاحًا - جَمَحَ (jamaḥa - jimāḥan), نَفَرًا - نَفَرَ (nafa'ra - nifāran), أَبَاءٌ - أَبَى (aba - ibā'an)

Iaitu kalimah إِبَاءٌ (ibā'an) yang bermaksud enggan atau sombong dan جَمَاحًا (jimāḥan) yang bermaksud degil iaitu dua perkara yang ditegah.

f) فُعَالٌ / فَعِيلٌ (fu'ālun / fa'īlun)

Bentuk maṣḍar bagi suara

Contohnya : صَهِيلاً - صَهَلَ (ṣahala - ṣahīlan), صُرَاخًا - صَرَخَ (ṣarikha - ṣurākhan).

Bagi maṣḍar atas wazan ini menunjukkan kepada suara sesuatu benda atau makhluk contohnya صَهِيلاً (ṣahīlan) yang bermaksud rengekan

bunyi kuda. Manakala صُرَاخًا (ṣurākhan) bermaksud pekikan atau teriakan.

g) فَعْلَةٌ (fu‘latun).

Kebiasaannya ini adalah bentuk maṣḍar yang menunjukkan warna

Contohnya : حُمْرَةٌ - حَمْرٌ (ḥamara - ḥumratan), سُمْرَةٌ - سُمْرٌ (samura - sumratan).

Maksud سُمْرَةٌ (sumratan) iaitu hitam manis dan kalimah حُمْرَةٌ (ḥumratan) yang bermaksud warna merah. Kedua-dua kalimah maṣḍar di atas wazan ini menunjukkan kepada warna.

h) فَعْلَانٌ (fa‘alān).

Ini adalah bentuk maṣḍar bagi menunjukkan pergerakan dan gelombang

Contohnya : جَوَلَانًا - جَالَ (jaāla - jawalānan), غَلَيَانًا - غَلَى (ghala - ghalayānan)

Kalimah غَلَيَانًا (ghalayānan) bermaksud didih atau air yang bergelegak dan جَوَلَانًا - (jawalānan) yang bermaksud mengelilingi.

Kedua-dua kalimah tersebut menunjukkan kepada pergerakan.

i) فِعَالَةٌ (fi‘ālatun).

Berikut adalah bentuk maṣḍar bagi perkataan menunjukkan pekerjaan.

Contohnya : إِمَارَةٌ - أَمَرَ (amara–imārahtan), زِرَاعَةٌ - زَرَعَ (zara‘a - zirā‘atan), وَلِيَّةٌ - وَلِيَ (waliya – wilāyatan).

Maksud bagi kalimah زِرَاعَةٌ (zirā‘atan) yang bermaksud bercucuk tanam dan kalimah إِمَارَةٌ (imārahtan) yang menunjukkan kepada maksud arahan atau perintah.

j) فُعُولَةٌ / فِعَالَةٌ (fu‘ūlatun / fi‘ālatun).

Ini adalah bentuk maṣḍar bagi salah satu dari fi‘l lazim yang “‘Ayn” (ع) berbaris depan. Iaitu ia membawa kepada rumpun maksud ketetapan.

Contohnya : سُهُولَةٌ - سَهَّلَ (sahula – suhūlatan), صُعُوبَةٌ - صَعَّبَ (ṣa‘uba - ṣu‘ūbatan), كَرَامَةٌ - كَرَّمَ (karuma – karāmatan), جَزَالَةٌ - جَزَلَ (jazala – jazālatan).

Bagi kalimah جَزَالَةٌ (jazālatan) yang bermaksud banyak atau besar, kalimah سُهُولَةٌ (suhūlatan) pula bermaksud mudah dan keduanya adalah ketetapan.

2.2.1.2 Maṣdar Fi‘l bukan Thulāthī.

Ini adalah antara perkara yang termasuk di dalam kalimah maṣdar bukan thulāthī dua iaitu maṣdar rubā‘ī dan maṣdar thulāthī mazīd.

2.2.1.2.1 Maṣdar Thulāthī Mazīd.

Maṣdar ini adalah hasil binaan dari fi‘l tiga huruf dan ditambah dengan satu atau lebih huruf imbuhan. Ianya boleh diambil dari fi‘l maḍinya dan tidak perlu dirujuk kepada buku-buku BA dan kamus. Dalam bahagian ini penulis membahagikan tambahan huruf-huruf imbuhan ini yang membentuk beberapa pola kepada beberapa bahagian.

Bahagian 1

Fi‘l thulāthī dengan tambahan satu huruf imbuhan:

a) Fi‘lnya أَفْعَلَ (af ‘ala)

- 1) Tambahan huruf hamzah padal awal fi‘l. di dalam binaan maṣdar fi‘l ini iaitu apabila “‘Ayn” (ع) fi‘lnya dari huruf yang ṣaḥīḥ

maka maṣdarnya di atas timbangan إِفْعَالًا (if‘ālan)

Contohnya: أَكْرَمَ - إِكْرَامًا (akrama – ikrāman), أَحْسَنَ - إِحْسَانًا,

(aḥsana – ihsānan).

Bagi tambahan huruf imbuhan ini telah mempengaruhi makna sebahagian besar dari fi‘l atas wazan ini. Bagi kalimah أَحْسَنَ -

إِحْسَانًا (aḥsana – ihsānan) yang membawa maksud berbuat baik dan bagi fi'l dan maṣḍar اِكْرَامًا – اِكْرَمَ (akrama – ikrāman) memberi maksud memuliakan dan kemuliaan.

2) Jika “Ayn” (ع) fi'lnya dari huruf yang mu'tal maka maṣḍarnya

di atas timbangan اِفْعَلَةٌ / اِفْلَةٌ (ifa'latan)

Contohnya: اِقَامَةٌ – اَقَامَ (aqāma – iqāmatan), اِبَانَةٌ – اَبَانَ (abāna – ibānatan)

اِبَانَةٌ – اَبَانَ (abāna – ibānatan) bermaksud menerangkan dan penerangan, bagi fi'l dan maṣḍar اِقَامَةٌ – اَقَامَ (aqāma – iqāmatan) bermaksud membangunkan atau menentukan dan maṣḍarnya bermaksud penentuan.

b) Fi'lnya فَعَّلَ (fa'ʿala)

1) Terdapat huruf imbuhan di dalam fi'lnya iaitu huruf yang sama pada huruf “Ayn” (ع) fi'l dan berbaris sukun. Ia juga diistilahkan sebagai muḍʿāf. Pada fi'l ini sekiranya “Lam” (ل)

fi'lnya dari huruf ṣaḥīḥ, maka maṣḍarnya di atas wazan تَفْعِيلًا (taf'īlan).

Contohnya: تَطْهِيرًا – تَطَهَّرَ (ṭaḥīran - ṭaḥāran), تَعْلِيمًا – عَلَّمَ (taʿlīm - taʿlīmān)

(ṭahhara - taṭhīran)

Fi'l dari maṣḍar ini juga berubah makna dari kalimahnyanya yang asal iaitu طَهَّرَ - تَطَهَّرَ (ṭahara) yang bermaksud suci kepada طَهَّرَ - تَطَهَّرَ (ṭahhara - taṭhīran) yang bermaksud menyucikan – penyucian.

(ṭahhara - taṭhīran) yang bermaksud menyucikan – penyucian.

Manakala عَلَّمَ - تَعَلَّمَ (allama - ta'līman) bermaksud mengajar - pengajaran.

2) Jika “Lam” (ل) fi'lnya dari huruf mu'tal, maka maṣḍarnya

dalam timbangan تَفَعَّلَ (taf'ilatan)

Contohnya: وَعَى - تَوَعَّى (wa'ā - tau'iyatan), صَفَّى - تَصَفَّى

(ṣaffa - taṣfiyatan).

Kalimah صَفَّى - تَصَفَّى (ṣaffa - taṣfiyatan) bermaksud

menjernihkan dan maṣḍarnya penjernihan. Bagi kalimah وَعَى - تَوَعَّى

تَوَعَّى (wa'ā - tau'iyatan) pula bermaksud menyedarkan dan

kedaran.

c) Fi'lnya فَاعَلَ (fā'ala)

1) Penambahan huruf “Alif” (ا) selepas huruf “Fa” (ف) fi'l.

maka maṣḍarnya dalam bentuk مُفَاعَلَةً / فَعَالًا (fi'ālan - muf

ā'latan)

Contohnya: قَاتَلَ / مُقَاتَلَةً - قَاتِلًا (qātala – qitālan / muqātalatan) ,

وَأَفَقَ / مُحَاسَبَةً - حَاسِبًا (ḥāsaba - ḥisāban / muḥāsabatan),

وَأَفَقَ / مُحَاسَبَةً - حَاسِبًا (ḥāsaba - ḥisāban / muḥāsabatan),

Kalimah fi‘l dan maṣḍar bagi وَأَفَقَ / مُحَاسَبَةً - حَاسِبًا (wāfa‘qa – wifāqan / muwāfa‘qatan) .

wifāqan / muwāfa‘qatan) menunjukkan makna saling menyetujui

dan penyetujuan. Manakala قَاتَلَ / مُقَاتَلَةً - قَاتِلًا (qātala – qitālan /

muqātalatan) bermaksud saling berbunuhan dan peperangan.

Bahagian 2.

Fi‘l thulāthī dengan tambahan dua huruf imbuhan:

a) Fi‘lnya اِفْتَعَلَ (ifta‘ala).

Bagi fi‘l ini terdapat penambahan dua huruf pada fi‘l yang terdiri dari dua huruf. Huruf imbuhan yang pertama adalah “Alif”

(ا) pada awal fi‘l dan huruf imbuhan “Ta” (ت) pada di antara

dua huruf iaitu “Fa” (ف) dan “Ayn” (ع) fi‘l maka Maṣḍarnya

dalam bentuk اِفْتَعَالًا (ifti‘ālan)

Contohnya: اِقْتَرَبَ - اِقْتَرَابًا (iqtaraba – iqtirāban), اِرْتَدَّ - اِرْتِدَادًا

(irtadda – irtidādan) , اِتَّخَذَ - اِتِّخَاذًا (ittakhadha – ittikhādhan) .

Maksud bagi fi‘l dan maṣdar bagi اِتَّخَذَ – اِتَّخَذَا (ittakhadha – ittikhādhan) iaitu diambil dan pengambilan. Bagi اِرْتَدَّ – اِرْتَدَادٌ (irtadda – irtidādan) pula bermaksud mengembalikan dan kembali.

b) Fi‘lnya اِنْفَعَلَ (infa‘ala)

Wazan fi‘l ini menunjukkan tambahan dua huruf iaitu huruf “Alif” (ا) di awal kalimah dan diikuti huruf “Nun” (ن) yang disukunkan. Maṣdarnya dalam bentuk اِنْفَعَالًا (infi‘ālan)

Contohnya: اِنْكَسَرَ – اِنْكِسَارًا (inkasara – inkisāran), اِنْهَزَمَ –

اِنْهَزَامًا (inhazama – inhizāman).

Kalimah fi‘l dan maṣdar ini اِنْهَزَمَ – اِنْهَزَامًا (inhazama – inhizāman) menunjukkan maksud tertewas dan tewas manakala kalimah اِنْكَسَرَ – اِنْكِسَارًا (inkasara – inkisāran) memberi makna terpecah dan pecah.

c) Fi‘lnya تَفَعَّلَ (tafa‘‘ala)

Merupakan fi‘l yang ditambah dua huruf imbuhan yang juga dikenali dengan fi‘l khumāsī. Fi‘l ini terbina dengan masuknya huruf “Ta” (ت) pada awal kalimah dan huruf “‘Ayn” (ع) yang

disukunkan dan diidghamkan kedalam “‘Ayn” (ع) fi‘l.

Maşḍarnya dalam bentuk تَفَاعُلًا (tafa‘‘ulan)

Contohnya: تَقَرَّبَ - تَقَرَّبُوا (taqarraba – taqarruban) , - تَحَوَّبَ -

تَحَوَّبُوا (tahawwaba – tahawwuban) , تَبَيَّنَ - تَبَيَّنُوا (tabayyana –

tabayyunan).

تَبَيَّنَ - تَبَيَّنُوا (tabayyana – tabayyunan) bermaksud menyatakan –

terang dan nyata.

d) Fi‘lnya تَفَاعَلَ (tafā‘ala).

Iaitu terhasil dari penambahan huruf Fi‘lnya تَفَاعَلَ (tafā‘ala)

huruf “Ta” (ت) pada awal kalimah dan huruf “Alif” (ا)

diantara “Fa” (ف) fi‘l dan “‘Ayn” (ع) fi‘l.

Maka Maşḍarnya dalam bentuk تَفَاعُلًا (tafā‘ulan)

Contohnya: تَبَاعَدَ - تَبَاعَدُوا (tabā‘ada - tabā‘udan) , تَوَاصَلَ - تَوَاصَلُوا

(tawāşala - tawāşulan) , تَهَآوَنَ - تَهَآوَنُوا (tahāwana – tahāwunan) .

Maksud bagi kalimah تَهَاوَنَ - تَهَاوَنًا (tahāwana - tahāwunan)

bermaksud mempermudah dan maṣḍarnya bermaksud permudahan.

e) Fi'lnya اِفْعَلَّ (if'alla)

Tambahan huruf “Alif” (ا) pada permulaan kalimah dan huruf

“Lam” (ل) yang disukunkan dan diidghamkan kepada huruf “Lam”

(ل) fi'l. Maṣḍarnya dalam bentuk اِفْعِلَالًا (if'ilālan)

Contohnya: اِزْوَرَّ - اِزْوَرَّارًا, اِحْمَرَّ - اِحْمَرَّارًا (ihmarra - ihmirāran)

(izwarra - izwirāran) .

Maksud bagi kalimah اِزْوَرَّ - اِزْوَرَّارًا (izwarra - izwirāran) ialah

berdusta dan pendustaan. Bagi kalimah اِحْمَرَّ - اِحْمَرَّارًا (ihmarra -

ihmirāran) pula bermaksud menjadi merah dan kemerahan.

f) Fi'lnya اِفْعَوَّلَ (if'awwala).

Fi'l ini dibentuk dengan tiga huruf tambahan iaitu huruf “Alif”

(ا), Maṣḍarnya dalam bentuk اِفْعَوَّلَالًا (if'iwālan)

Contohnya: اِجْلَوَّذَ - اِجْلَوَّذًا (ijlawwadha - ijliwwādhan).

Maksud bagi اِجْلُوذًا - اِجْلُوذًا (ijlawwadha – ijliwwādhan) ialah berjalan lambat dan perjalanan yang lambat.

Bahagian 3

1) Fi‘l thulāthī dengan tambahan tiga huruf imbuhan

a) Fi‘lnya اِسْتَفْعَلَ (istaf‘ala)

i) Fi‘l ini terbina dari tiga huruf tambahan iaitu “Alif” (ا),

“Sin” (س) dan “Ta” (ت) sebelum kalimah فعل (fa‘ala) .

Terdapat beberapa bentuk maṣdar antaranya. Jika “‘Ayn”

(ع) fi‘lnya dari huruf ṣaḥīḥ, maka maṣdarnya dalam

timbangan اِسْتَفْعَالًا (istif‘ālan)

Contohnya: . اِسْتَخْرَجَ - اِسْتَخْرَجًا (istakhraja – istikhrājan),

اِسْتَوْلَى - اِسْتِیْلَاءً (istawda‘a - istīdā‘an) ,

(istawla - istīl ā‘an).

Kalimah اِسْتَوْلَى - اِسْتِیْلَاءً (istawla - istīlā‘an) bermaksud

memerintah dan pemerintahan. Manakala kalimah اِسْتَخْرَجَ -

اِسْتَخْرَجًا (istakhraja – istikhrājan) bermaksud meminta keluar

dan minta keluar.

ii) Jika “‘Ayn” (ع) fi‘lnya dari huruf mu‘tal, maka maṣḍarnya

dalam timbangan اِسْتِفْعَالَةٌ / اِسْتِفْعَالَةٌ (istif‘ālatun / istifālatun)

Contohnya: اِسْتَجَارَ - اِسْتِجَارَةٌ (istajāra – istijāratun), اِسْتَبَانَ

اِسْتِبَانَةٌ - اِسْتِبَانَةٌ (istabāna / istibānatun).

Fi‘l dan maṣḍarnya اِسْتَبَانَ - اِسْتِبَانَةٌ (istabāna / istibānatun)

bermaksud meminta penerangan dan permintaan penerangan.

Kalimah اِسْتَجَارَ - اِسْتِجَارَةٌ (istajāra – istijāratun) pula

bermaksud meminta perlindungan dan permintaan perlindungan.

b) Fi‘lnya اِفْعَوْعَلَ (if‘aw‘ala)

Iaitu tambahan tiga huruf yang terdiri dari huruf “‘Alif” (ا),

Maṣḍarnya dalam bentuk اِفْعِيْعَالًا (if‘ī‘ālan)

Contohnya: اِعْشَوْشَبَ - اِعْشِيشَابًا (i‘shawshaba - i‘shī shāban),

اِخْشَوْشَنَ - اِخْشِيشَانًا (ikhshawshana – ikhshīshānan).

Bagi fi‘l dan maṣḍar ini اِعْشَوْشَبَ - اِعْشِيشَابًا (i‘shawshaba - i‘shī

shāban) bermaksud terkena rumput dan berumput.

c) Fi‘lnya اِفْعَلَّلَ (if‘anlala)

Tambahan tiga huruf pada fi‘l ini iaitu huruf “Alif” (ا), huruf “Nun” (ن), dan huruf “Lam” (ل) yang pertama. Maşḍarnya dalam bentuk اِفْعَلَّلَاً (if‘inlālan)

Contohnya: اِحْرَنْجَمَ - اِحْرَنْجَمًا (iḥranjama - iḥrinjāman) .

Maksud bagi fi‘l dan maşḍar bagi kalimah اِحْرَنْجَمَ - اِحْرَنْجَمًا

(iḥranjama - iḥrinjāman) ialah mengumpul dan pengumpulan.

d) Fi‘lnya اِفْعَوَّلَ (if‘awwala).

Fi‘l ini dibentuk dengan tiga huruf tambahan iaitu huruf “Alif” (ا), Maşḍarnya dalam bentuk اِفْعَوَّلَاً (if‘iwālan).

Contohnya: اِجْلَوَّذَ - اِجْلَوَّذًا (ijlawwadha – ijliwādhan).

Maksud bagi اِجْلَوَّذَ - اِجْلَوَّذًا (ijlawwadha – ijliwādhan) ialah berjalan lambat dan perjalanan yang lambat.

2.2.1.1.2 Maşḍar Rubā‘ī.

Iaitu merupakan maşḍar yang terhasil dari fi‘l yang mempunyai empat huruf. Maşḍar ini terbahagi kepada dua iaitu maşḍar rubā‘ī mujarrad dan maşḍar rubā‘ī mazīd. Maşḍar bagi fi‘l-fi‘l ini diqias

atau diambil dari wazan فَعَلَّلَ (fa‘lalatan) . Contohnya دَحْرَجَ - دَحْرَجَةٌ

(dahraja - dahrajatan) bermaksud menggolekkan dan طَمَأَنَّ -

طَمَأَنَةٌ (ṭam’ana - ṭam’anatan) bermaksud menenangkan.

Namun begitu terdapat perubahan di atas wazan yang lain apabila terdapat syarat-syarat yang tertentu seperti:

a) Maṣdar bagi fi‘l rubā‘ī yang mud’af iaitu huruf “Fa’ (ف)

dan huruf “Lam” (ل) pertama bagi wazan فَعَلَّلَ (fa‘lala)

dari jenis huruf yang sama, manakala huruf “Ayn” (ع) dan

huruf “Lam” (ل) kedua juga dari huruf yang sama maka

wazan bagi maṣdar fi‘l ini adalah فَعَلَّلَ (fa‘lalatan) atau فَعَلَّلَا

(fi‘lālan) . contohnya: زَلَزَلَ - زَلَزَلَةٌ / زَلَزَالًا (zalzala -

zalzalatan / zilzālan), وَسَوَّسَ - وَسَوَّسَةٌ / وَسَوَّاسًا (waswasa -

waswasatan / wiswāsan).

i) Maṣdar Fi‘l Rubā‘ī Mujarrad.

Maṣdar bagi fi‘l rubā‘ī menunjukkan ianya dibentuk dari fi‘l

yang terdiri dari empat huruf asal iaitu di atas wazan فَعَلَّلَ (fa‘lala).

a) Fi'lnya فَعْلَل (fa'lala).

Di atas wazan fi'l ini ahli bahasa membahagikan kepada beberapa bentuk wazan bagi fi'l tersebut iaitu dalam bentuk / فِعْلَالاً / فَعْلَلَةٌ (fa'lalatan / fi'lālan).

Contohnya: غَرَبَلًا / غَرَبَلَةٌ - غَرَبَلَ (gharbala - ghirbālan / ghirbalatan) زَلَزَلًا / زَلَزَلَةٌ - زَلَزَلَ (zalzala - zilzālan / zilzalatan).

Maksud kalimah زَلَزَلًا / زَلَزَلَةٌ - زَلَزَلَ (zalzala - zilzālan / zilzalatan) ialah menggempakan dan gempa bumi. Kalimah غَرَبَلًا - غَرَبَلَةٌ (gharbala - ghirbālan / ghirbalatan) bermaksud menyelidik dan penyelidikan.

Namun begitu fi'l yang dipanggil muḍ'āf iaitu huruf "Fa" (ف) dan "Lam" (ل) bagi kalimah fi'l yang awal sama jenis dengan huruf "Ayn" (ع) dan "Lam" (ل) fi'l contohnya وَسَّوَسَ (waswasa) maka wazan maḥḍarnya adalah فِعْلَالًا (fi'lālan).

Tetapi terdapat juga fi‘l rubā‘ī yang tidak muḍ‘āf menggunakan di atas wazan tersebut. Maka ahli BA mengkategorikan maṣḍar tersebut sebagai simai’e iaitu kalimah Arab yang tidak boleh dikiaskan. Antara contohnya adalah سِرْهَافًا - سِرْهَافَ (sarhafa - sirhāfan) حَوْقَلًا - حَوْقَلَ (ḥawqala - ḥīqālan).

Contoh wazan maṣḍar rubā‘ī mujarrad yang lain adalah seperti berikut:

Jadual 2.2.1.2.1.1: Contoh wazan maṣḍar rubā‘ī mujarrad

maksud	وزن مصدر	مصدر	وزن فعل	فعل
Berkata لا حول ولا قوة إلا بالله	فيعالا	حيقالا	فوعل	حوقل
menyaringkan	فعولة	جهورة	فَعُولَ	جَهْوَرًا
melakukan	فيعلة	بيطرة	فيعل	بَيْطَرَ
memuliakan	فعيلة	شريفة	شريف	فَعِيلًا
menikam	فعلاة	سَلْقَاة	سلقى	فَعَلَى

ii) Maṣḍar Fi‘l Rubā‘ī Mazīd.

Masdar ini boleh dibahagikan kepada:

a) Fi‘l rubā‘ī dengan tambahan satu huruf imbuhan.

Fi‘lnya تَفَعَّلًا (tafa‘lala).

Maṣḍar ini terbina dari fi‘l rubā‘ī yang ditambah dengan imbuhan huruf “Ta” (ت). Maṣḍarnya dalam bentuk تَفَعَّلًا (tafa‘lulan).

Contohnya: تَلَعْتُمْ - تَلَعْتُمَا (tala‘thama - tala‘thuman), - تَبَرَّقَعَ

تَبَرَّقَعًا (tabarqa‘a - tabarqa‘an), تَبَخَّرَ - تَبَخَّرَا (tabakhtara - tabakhturan).

Maksud fi‘l dan maṣḍar تَبَخَّرَ - تَبَخَّرَا (tabakhtara - tabakhturan)

ialah menjadi wap dan pemeluwapan. Manakala تَبَرَّقَعَ - تَبَرَّقَعًا (tabarqa‘a - tabarqa‘an), bermaksud memakai tudung muka dan penutupan muka dengan tudung.

b) Fi‘l rubā‘ī dengan tambahan dua huruf imbuhan.

Fi‘lnya اِفْعَلَّلَ (if‘anlala).

Tambahan tiga huruf pada fi‘l ini iaitu huruf “Alif” (ا), huruf “Nun” (ن), dan huruf “Lam” (ل) yang pertama. Maṣḍarnya dalam bentuk اِفْعَلَّلَا (if‘inlālan).

Contohnya: اِحْرَنْجَمَ - اِحْرَنْجَمًا (iḥranjama - iḥrinjāman).

Maksud bagi fi‘l dan maṣḍar bagi kalimah اِحْرَنْجَمَ - اِحْرَنْجَمًا (

iḥranjama - iḥrinjāman) ialah mengumpul dan pengumpulan

2.2.1.3. Isim maṣḍar (اسم المصدر)

Ini adalah isim yang didatangkan di dalam jumlah isim-isim yang menunjukkan kepada sesuatu kejadian. Namun begitu ia berlainan dengan al-maṣḍar al-‘am. Antara isim-isim berikut ialah:

i) Isim yang tidak datang dari fi‘l.

Contohnya: الْقَهْقَرِيُّ (al- qahqarī) (undur ke belakang)

ii) Isim yang memberi maksud alat bagi sesuatu perbuatan

Contohnya: طَهُورٌ (ṭahūrun) (iaitu alat yang digunakan untuk menyucikan)

iii) Isim yang memberi maksud nama bagi satu kejadian.

Contohnya: بَرَّةٌ (barratun), سُبْحَانَ (subḥāna) , حَمَادٌ (ḥammādun), فَجَّارٌ (fujjārun) .

iv) Isim yang dimulakan dengan mim tambahan (ميم زائدة) tidak termasuk di atas timbangan (المفاعلة) .

Contohnya: مَقْتُلٌ, مَضْرِبٌ .

v) Isim yang fi‘lnya dari fi‘l mazīd yang mujarrad

vi) Contohnya: اغْتَسَلَ - غُسْلًا (ightasala – ghuslan), تَوَضَّأَ - وُضُوءًا (tawadda’a - wuḍū’an) .

- vii) Isim yang sesuai dengan maṣdar bagi fi‘l dari segi makna serta mengurangkan huruf dari fi‘l asalnya.

Contohnya: fi‘lnya **أَعْطَى** (a‘ṭā) maka maṣdarnya **إِعْطَاءً**

(i‘ṭā’an), maka **عِطَاءٌ** (iṭā’) adalah isim maṣdar bagi contoh

أَعْطَيْتُهُ عِطَاءً (a‘ṭaytahu ‘iṭā’).

2.2.1.4 Maṣdar Mimi (المصدر الميمي)

Masdar ini terbahagi kepada 3 iaitu:

- i) **مَفْعِلُنْ** (maf‘ilun) iaitu dari fi‘l thulāthī mithal yang lam fi‘lnya

huruf ṣaḥīḥ dan “fa’ fi‘lnya di hazafkan ketika dalam bentuk fi‘l mudhari’.

Contohnya: **يَعِيدُ - مَوْعِدًا** (ya‘idu - maw‘idan)

- ii) **مَفْعَالُنْ** (maf‘alun) iaitu dari fi‘l thulāthī yang sama seperti yang

lepas.

Contohnya: **مَنَامٌ** (manāmun).

- iii) **مُنْفَعَلُنْ** (munfa‘alun) iaitu maṣdar yang terbit dari fi‘l bukan

thulāthī atas wazan fi‘lnya mabni lil majhūl dan menjadikan ya’ almuḍāra‘ah sebagai mim.

Contohnya: يُقَامُ - مُقَامَةٌ (yuntaha - muntaha), يُنتَهَى - مُنْتَهَى (yuqāmu - muqāmatun).

2.2.1.5 Maṣḍar Marrah (المصدر المرة) .

Ini adalah maṣḍar yang menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan dalam bilangan sekali. Antara bentuk-bentuknya ialah:

i) Dibentuk dari fi'l thulāthī di dalam bentuk فَعْلَةٌ (fi'latun) .

Contohnya: جُلْسَةٌ - مَا جَلَسْنَا غَيْرَ جُلْسَةٍ .

ii) Maṣḍar al-am yang disudahi dengan huruf “Ta” (ت) maka mesti disifa'tkan dengan وَاحِدَةٌ (wāḥidatun) .

Contohnya: دَعْوَةٌ - لَبَّيْتُ دَعْوَةَ وَاحِدَةٍ .

iii) Maṣḍar al-am yang bukan thulāthī yang di tambah “Ta” (ت) pada akhirnya.

Contohnya: اِنْطِلَاقٌ - هَذِهِ اَوَّلُ اِنْطِلَاقٍ لِلْجُهُودِ الْخَيْرَةِ .

2.2.1.6 Maṣḍar Hay'ah (المصدر هيئة)

Ini adalah maṣḍar yang mengungkapkan rupa bentuk satu perbuatan yang berlaku. Bentuk-bentuk maṣḍar Hay'ah adalah seperti berikut:

- i) Maṣḍar ini hanya berlaku kepada fi‘l thulāthī , binaannya adalah berbentuk فَعْلَةٌ (fa‘latun).

Contohnya: لَا تُعْجِبْنِي مِنْكَ هَذِهِ الْجَلْسَةُ .

إِنَّمَا هَذِهِ مَشِيَّةٌ مُخْتَالٌ .

Dengan demikian maka maṣḍar Hay’ah di atas wazan فَعْلَةٌ (fi‘latun) menunjukkan sifat yang berbentuk Hay’ah (هَيْئَةٌ) iaitu rupa bentuk.

2.2.1.7 Maṣḍar Ṣinā‘ī (المصدر الصناعي) .

Ini adalah maṣḍar yang dibentuk dengan disertakan “ya musyaddadah” (ياء مشددة) pada lafaz dan “ta ta’nith” (تاء تأنيث) .

Persatuan BA Kaherah telah mengeluarkan ketetapan iaitu mengkiaskan maṣḍar ini dengan mana-mana lafaz. Antaranya:

- i) Isim jāmid (الجامد) . إنسان → إنسانِيَّة (insān → insānīyah) .
- ii) Isim fā‘il (الفاعل) . جاذب → جاذبِيَّة (jādhīb → jādhībīyah) .
- iii) Isim maf‘ūl (المفعول) . معلوم → معلوميَّة (ma‘lūm → ma‘lūmiyah)

- iv) Ṣīghah al- mubālaghah (صيغة المبالغة) . حَاسُوبٌ → حَاسُوبِيَّةٌ .
(ḥāsūb → ḥāsūbīyah)
- v) Isim tafḍīl (التفضيل) . أَهَمُّ → أَهَمِّيَّةٌ . ('aham → 'ahamīyah)
- vi) Isim istifhām (استفهام) . كَيْفَ → كَيْفِيَّةٌ . (kayfa → kayfīyah)
- vii) Maṣdar اشتراك → اشتراكية . (ishtirāk → ishtirākīyah)

Berkaitan bab ini penulis cenderung untuk mengambil pendekatan yang dipamerkan oleh Dr. Abi Aus Ibrahim Al-Shamsān di dalam kitabnya 'Durūs Fi 'Ilmi Aṣ- Ṣarfi. Pada pendapat penulis di dalam kitab ini menunjukkan cara mudah memahami berkaitan topik masdar ini. Di samping itu juga selain sebagai buku rujukan yang digunakan dalam pembelajaran di lokasi kajian, penerangan yang diberikan di dalam kitab ini selaras dengan kehendak sukatan pelajaran di institusi tersebut.